

Sikap orang ramai penyebab sampah haram masih gagal dibendung

S.H 24/03/08 M/S 14
lang, penjaja termasuklah penduduk tempatan.

KLANG - Kewujudan beberapa tempat yang dijadikan tempat pembuangan sampah secara haram di sekitar daerah ini memberi gambaran negatif kepada orang ramai dan juga alam sekitar.

Pembuangan sampah secara haram seperti ini bukan sahaja memcemarkan pemandangan tetapi menjejaskan kesihatan.

Banyak usaha dilakukan untuk mendidik masyarakat, namun sikap membuang sampah secara sesuka hati ini semakin menjadi-jadi lantaran sikap orang ramai yang tidak mempunyai kesedaran sivik.

Ramai yang menyalahkan pihak berkuasa kerana tidak bertindak tegas manakala tidak kurang juga yang menganggap masalah itu juga berpunca daripada sikap orang ramai sendiri.

Kegiatan tersebut sebenarnya kerap dilakukan oleh kontraktor-kontraktor sampah yang tidak bertanggungjawab, para pemilik kedai tayar, pengutip sampah, pemilik ki-

Menurut Pengarah Jabatan Alam Sekitar Majlis Perbandaran Klang (MPK), Wan Mohd. Sofian Wan Hussain, timbunan sampah-sampah ini kelihatan bertaburan di beberapa tempat yang kebanyakannya tersorok dan terselindung.

“Sampah-sampah yang dibuang secara haram ini boleh mencecah berat bertan-tan dan sampah berkenaan sepatutnya dilupuskan ataupun dikitar semula.

“Ini termasuk juga sampah sisa pembinaan seperti batu-bata dan kayu bergergaji serta tayar terpakai, perabot lama dan sampah domestik,” katanya.

Menurutnya, sampah yang dibuang secara haram boleh mengandungi bahan buangan yang berbahaya seperti sisa perubatan, bateri, bekas cat dan bekas serta sisa minyak kenderaan.

“Pembuangan sampah secara haram ini mampu memberikan kesan negatif terhadap alam sekitar iaitu tum-



WAN MOHD SOFIAN

buh-tumbuhan dan haiwan.

“Ia juga boleh menyebabkan air yang mengalir daripada kawasan tersebut dicemari bahan kimia yang akhirnya akan mencemarkan sumber air yang lain,” katanya lagi

Seperti yang kita sedia maklum, pembuangan sampah secara haram juga boleh menimbulkan banyak risiko kepada kesihatan orang ramai.



Longgokan sampah merosakkan pemandangan serta pencemaran alam sekitar.

Kesan utama ialah kepada kanak-kanak yang melalui kawasan pembuangan sampah berkenaan terdedah kepada paku karat, benda-benda tajam dan cecair kimia yang berbahaya.

“Walaupun MPK kerap menjalankan pemantauan terhadap permasalahan

an ini, namun sikap orang awam yang sewenang-wenangnya membuang sampah di merata-rata tanpa memikirkan risiko yang bakal mereka hadapi juga menjadi salah satu punca utama permasalahan ini terus berlarutan,” kata beliau lagi.